

08 MAR 2004

Sukan-SIC

PILIHAN RAYA UMUM KE-11 CABARAN BESAR BAGI SIC

SEPANG, 8 Mac (Bernama) -- Penganjur Grand Prix Malaysia 2004, Sepang International Circuit Sdn Bhd, menyifatkan pilihan raya umum ke-11 sebagai cabaran paling besar baginya dalam menganjurkan perlumbaan itu.

Pengerusinya Datuk Mokhzani Tun Mahathir berkata perlumbaan pada tahun ini mencatat sejarah dalam penganjuran perlumbaan Formula 1 kerana ia diadakan serentak dengan pilihan raya umum di negara tuan rumah.

Beliau berkata demikian pada sidang media untuk mengumumkan perkembangan terkini dan persediaan SIC dalam menghadapi perlumbaan itu di Litar Sepang di sini, hari ini.

Mokhzani berkata beliau berharap para peminat perlumbaan F1 tempatan akan mengunjungi litar itu bagi menyaksikan perlumbaan paling menarik di dunia dan pada waktu yang sama, tidak melupakan tanggungjawab mereka untuk mengundi.

"Keluarlah mengundi pada awal pagi dan selepas itu datanglah ke Sepang untuk menyaksikan perlumbaan ini yang bermula pada 3 petang," katanya.

Beliau juga menasihati penonton agar tidak membawa barangan yang mengandungi lambang parti politik ke litar itu.

Mokhzani berkata pemilihan tarikh pilihan raya merupakan hak mutlak Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

"Setiap orang tahu bahawa 21 Mac telah ditetapkan sebagai hari mengundi dan serentak dengan hari perlumbaan. Ini memberi cabaran tambahan kepada kami dalam menganjurkan perlumbaan edisi keenam ini," katanya.

Beliau berkata walaupun keadaannya kelihatan agak mencabar, namun SIC yakin akan dapat menjayakan perlumbaan pada tahun ini sama seperti pada tahun-tahun sebelumnya.

Sehingga semalam, SIC menjual lebih 25,000 tiket atau hampir 60 peratus lebih banyak daripada jumlah tiket yang dijual dalam tempoh yang sama pada tahun lepas, katanya.

Mokhzani berkata SIC mensasarkan 120,000 penonton menyaksikan

perlumbaan pada tahun ini, termasuk 50,000 penonton asing.

Pada perlumbaan tahun lepas, 25,000 penonton asing membanjiri litar itu daripada keseluruhan 101,485 penonton.

Mokhzani berkata SIC juga telah menubuhkan pusat pengurusan krisis di litar berkenaan sebagai persediaan bagi menangani sebarang kemungkinan.

-- BERNAMA

FA AHH SP RON